

**BN Selangor peruntuk RM50,000  
Utusan Online  
Januari 16, 2012  
Oleh AZIAN AZIZ**

KUALA SELANGOR 15 Jan. - Barisan Nasional (BN) Selangor akan memperuntukkan sebanyak RM50,000 untuk membantu peniaga Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Shah Alam dekat sini membiayai kos guaman bagi menghalang kenaikan kadar sewa ruang niaga di kompleks itu.

Timbalan Pengerusi BN Selangor, Datuk Seri Noh Omar yang mengumumkan perkara itu berkata, pembiayaan itu bagi meringankan beban peniaga yang tertekan dengan cadangan PKNS untuk menaikkan kadar sewa ruang niaga sehingga 100 peratus bermula tahun ini.

"Sebelum ini, peniaga berjaya mendapatkan perintah injunksi daripada Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi menghalang cadangan menaikkan kadar sewa itu. Bagaimanapun, kita mendengar kerajaan negeri cuba menyingkirkan injunksi itu dan ini akan menyusahkan peniaga.

"Sebagai tanda simpati, kita akan bantu biaya kos guaman mereka sebanyak RM50,000," katanya selepas Majlis Pelancaran BR1M Peringkat Selangor di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Khai Tee di Pasir Penambang, di sini hari ini.

Pada 6 Disember lalu, Persatuan Peniaga-peniaga Kompleks PKNS memfailkan injunksi bagi menghalang perbadanan itu menaikkan kadar sewa premis perniagaan di kompleks itu awal Januari ini.

Ini kerana kadar kenaikan yang akan dihadapi terlalu tinggi iaitu sehingga 100 peratus yang didakwa menindas peniaga di situ.

Pada 14 Disember lalu, peniaga berjaya mendapat perintah injunksi Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Ahmad Zaki Husin di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi menghalang cadangan PKNS menaikkan kadar sewa ruang niaga di kompleks itu.

Dalam pada itu, kata Noh, BN Selangor tidak akan menaikkan kadar sewa yang tidak munasabah dan menindas peniaga di kompleks PKNS, malah akan memulihara kompleks bersejarah itu dan menjadikannya sebagai tempat tarikan pelancong sekiranya kembali memerintah Selangor.

Ujar beliau, seperti yang dijanjikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang membuat tinjauan mesra di kompleks PKNS pada Sabtu lalu, BN Selangor akan membela peniaga di kompleks itu dan menyelesaikan masalah lain di Selangor yang gagal dilakukan kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) negeri.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0116&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0116&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm)